



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS** : PENDIDIKAN MORAL  
**KOD KURSUS** : MPU2323  
**PEPERIKSAAN** : JUN 2023  
**MASA** : 3 JAM

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Kertas Jawapan Objektif
    - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGJ 12 HALAMAN BER CETAK TER MASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Moral berasal daripada perkataan Latin, iaitu "moralis". Moral juga didefinisikan sebagai
  - A tatasusila dan peraturan yang salah.
  - B tingkah laku dan amalan yang baik.
  - C amalan dan perbuatan yang hina.
  - D amalan dan kelakuan yang kurang sopan.
2. Antara berikut yang manakah merupakan pernyataan normatif dengan pertimbangan moral?
  - A Kereta itu elok.
  - B Kehidupannya tidak bahagia.
  - C Saya tidak memberus gigi dengan betul.
  - D Anda perlu menjadi guru yang berdedikasi.
3. "Memfitnah atau menuduh seseorang melakukan sesuatu jenayah merupakan pelakuan keji dan tidak bermoral". Apakah jenis kemoralan bagi amalan di atas berdasarkan jenis kemoralan yang dikategorikan oleh *Harry Bowne*?
  - A Kemoralan peribadi.
  - B Kemoralan mutlak.
  - C Kemoralan kendiri.
  - D Kemoralan sejagat.
4. Menurut Drs. Sidi Gazalba, etika didefinisikan sebagai
  - A ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral.
  - B pandangan manusia dalam berperilaku menurut ukuran dan nilai yang baik.
  - C teori tentang tingkah laku dan perbuatan manusia yang dipandang sama ada baik atau buruk, dan dapat ditentukan oleh akal.
  - D kajian falsafah tentang moral, iaitu tentang kelakuan yang baik, sikap moral, keadilan sosial dan tanggungjawab moral dan ciri-ciri kehidupan yang baik.

5. Deontologi bermaksud
- A. akibat.
  - B. matlamat.
  - C. kewajipan.
  - D. kebahagiaan.
6. Seseorang yang mengikuti prinsip kewajipan akan
- A mengikut peraturan.
  - B memilih dengan bebas.
  - C memaksimumkan kebahagiaan.
  - D membuat keputusan dengan tepat.
7. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan moral atau pembentukan moral seseorang individu. Antara berikut yang manakah bukan tentang perkembangan dan pembentukan moral seseorang individu?
- A Agama.
  - B Makanan.
  - C Jantina.
  - D Persekutaran sosial.
- 8.
- Apakah kita meletakkan kenderaan (*parking*) di petak yang betul?
  - Mungkinkah saya meletakkan kenderaan di tempat lain?
  - Mungkinkah kenderaan saya menghalang kenderaan lain?

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 merujuk prinsip peraturan moral. Apakah prinsip peraturan moral yang sesuai merujuk keadaan di atas?

- A Prinsip Autonomi.
- B Prinsip Altruisme.
- C Prinsip Keadilan.
- D Prinsip Kesamarataan.

9. Peraturan agama adalah berdasarkan rukun dan prinsip yang terdapat dalam sesuatu agama yang mana peraturan ini terkandung di dalam kitab-kitab suci agama masing-masing. Manakah antara berikut padanan yang **betul** ?

- A Injil : Hindu.
- B Tripitaka : Kristian.
- C Al-Quran : Islam.
- D Taurat : Sikh.

10.

Seorang pelatih bidang perhotelan sedang menjalani latihan industri di Hotel Seri Malaysia dan telah menyempurnakan tugas serta kerja kursus dengan baik tetapi markah yang diperolehnya rendah. Sekiranya pelatih ini mempunyai aliran pemikiran naturalis, dia hanya menerima keputusan itu seadanya dan tidak berusaha untuk mencari sebab dia mendapat markah yang rendah.

**Pernyataan 2**

Berdasarkan pernyataan di atas, individu berkenaan ialah seorang yang mempunyai pemikiran

- A naturalis.
- B emotivis.
- C rasionalis.
- D instuisisionis.

11. Menurut Koo & Tan nilai merupakan

- A kajian falsafah tentang moral, iaitu tingkah laku yang baik.
- B elemen utama pembentukan konsep-konsep moral dan sikap.
- C prinsip seseorang tentang apa yang betul dengan apa yang salah.
- D standard dan prinsip dalam mempertimbangkan sesuatu benda (manusia, objek, idea, tingkah laku dan situasi).

12. Ajaran Confucius terkandung dalam buku-buku yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_ dan *Empat Buku*.
- A Dua Klasik  
B Tiga Klasik  
C Empat Klasik  
D Lima Klasik
13. Kehidupan sosial masyarakat dipengaruhi oleh undang-undang, adat resam dan komunikasi antara individu dalam masyarakat. Pernyataan ini merujuk teori
- A teleologikal.  
B kemoralan sosial.  
C teori deontologikal.  
D keperibadian mulia.
14. \_\_\_\_\_ merujuk akhlak yang harus dimiliki oleh setiap individu dalam kehidupan sehari-hari.
- A *Niyamas*.  
B *Asteya*.  
C *Yamas*.  
D *Bramacharia*.
15. \_\_\_\_\_ merujuk akhlak yang lebih umum, iaitu sifat yang harus dimiliki dalam konteks bermasyarakat dan bernegara.
- A *Niyamas*.  
B *Asteya*.  
C *Bramacharia*.  
D *Yamas*.

- Kualiti yang diterima atau ditolak sebagai alat untuk mencapai sesuatu matlamat.
- Bergantung kepada nilai lain untuk mencapai matlamat.
- Contohnya mengenakan hukuman gantung kepada pengedar dadah bagi menghapuskan kegiatan pengedaran dadah.

**Pernyataan 3**

16. Ciri-ciri dalam pernyataan 3 ialah mengenai jenis nilai yang dikenali sebagai

- A relativ.
- B objektif.
- C intrinsik.
- D instrumental.

17. "Bersimpati dengan seorang bayi yang menghidap leukemia" mengandungi elemen dimensi moral seperti

- i. penaakulan moral.
- ii. perasaan moral.
- iii. perlakuan moral.
- iv. pemahaman moral.

- A ii sahaja.
- B ii dan iii.
- C iii dan iv.
- D i, ii, iii dan iv.

18. Agama Sikh diasaskan oleh

- A Lao Tze.
- B Guru Nanak.
- C Kung Fu Tze.
- D Gautama Buddha.

19. Berikut ialah jenis-jenis konflik kecuali

- A konflik di antara nilai.
- B konflik di antara konsep.
- C konflik di antara manusia.
- D konflik di antara satu hak dengan yang lain.

20. Antara berikut yang manakah peringkat yang terlibat dalam strategi pencairan masalah?

- i. Merancang sesuatu dengan lebih rapi.
- ii. Menyusun pangkat mengikut kepentingan.
- iii. Tindakan yang memuaskan hati kedua pihak.
- iv. Pembinaan alternatif bagi mengelakkan masalah.

- A i dan ii.
- B ii, iii dan iv.
- C i, iii dan iv.
- D i, ii dan iv.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **ENAM** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Berikan definisi moral.

(2 Markah)

- b. Nyatakan **empat (4)** contoh pelakuan yang bermoral dalam kehidupan.

(8 Markah)

**SOALAN 2**

- a. Berikan definisi berikut secara ringkas:

i. Etika

ii. Akhlak

(2 Markah)

- b. Huraikan secara ringkas jenis nilai berikut berserta contoh:

i. Nilai Instrinsik

ii. Nilai Objektif

iii. Nilai Subjektif

iv. Nilai Instrumental

(8 Markah)

**SOALAN 3**

- a. Nyatakan secara ringkas **lima(5)** perbezaan antara moral, etika dan akhlak.

(10 Markah)

**SOALAN 4**

a. Berikan definisi berserta contoh bagi pernyataan di bawah:

- i. Pernyataan normatif
- ii. Pernyataan deskriptif

(4 Markah)

b. Terangkan secara ringkas teori-teori etika di bawah:

- i. Teori kemoralan sosial.
- ii. Teori keperibadian mulia.
- iii. Teori Teleologi.

(6 Markah)

**SOALAN 5**

a. Nyatakan empat (4) agen moral yang mempengaruhi sosialisasi seseorang individu.

(4 Markah)

b. Senaraikan enam (6) agen moral daripada agensi tempatan dan antarabangsa.

(6 Markah)

**SOALAN 6**

- a. Jika anda menjemput rakan anda yang beragama Islam ke majlis hari jadi, anda perlu menyediakan makanan halal untuk mereka.

Huraikan kefahaman anda mengenai makanan halal menurut agama Islam.  
(6 Markah)

- b. Jelaskan **dua (2)** contoh tindakan yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita.

(4 Markah)

**SOALAN 7**

- a. Egoisme moral boleh berlaku dalam tiga bentuk. Huraikan setiap bentuk egoisme tersebut.

(6 Markah)

- b. Apakah yang anda faham tentang Teori Keperibadian Mulia yang dipelopori oleh *Aristotle*?

(4 Markah)

[ 60 MARKAH ]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Seks bebas merupakan salah satu daripada isu moral yang melibatkan remaja pada masa kini. Seks bebas juga disebut sebagai seks rambang, seks luar nikah dan perbuatan terlanjur. Perbuatan ini juga tidak dibenarkan dalam maná-mana sejarah agama terutamanya agama di Malaysia. Selain itu, seks bebas juga tidak dibenarkan oleh institusi perkahwinan. Seks bebas merupakan perbuatan yang dikategorikan tidak bermoral kerana perbuatan tersebut dianggap melanggar prinsip atau peraturan yang diterima secara rasional dalam kehidupan masyarakat.

Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan lima (5) punca dan langkah-langkah untuk mengatasi amalan seks bebas terutama dalam kalangan remaja pada masa kini.

(20 markah)

\

**SOALAN 2**

LGBT merupakan singkatan daripada perkataan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender. LGBT ialah suatu perbuatan dan pelakuan yang bertentangan dengan nilai dan adat kehidupan manusia. Tambahan pula, perlakuan ini ditegah atau dilarang dalam agama terutama agama Islam. Penubuhan dan pergerakan golongan ini disokong dan diiktiraf di negara Barat, akan tetapi berbeza di Malaysia yang mana terdapatnya undang-undang yang menghalang aktiviti homoseksualiti. Isu LGBT ini merupakan salah satu isu moral tentang suatu amalan yang bercanggah dengan nilai moral masyarakat yang perlu dibendung. Maka, jika tidak ditangani dengan baik, akan merosakkan masyarakat terutama golongan remaja.

Huraikan **lima (5)** punca dan langkah-langkah bagi membendung amalan atau perbuatan LGBT.

(20 markah)

**[ 20 MARKAH ]****KERTAS SOALAN TAMAT**